

Solat Roh Ta'dib

diangkat karya terbaik FFVPM10

SOLAT lima waktu sehari semalam yang menjadi tuntutan bagi setiap orang Islam mendorong tiga mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menghasilkan sebuah video

pesanan khidmat awam (PSA) bertajuk Solat Roh Ta'dib berkisar kepentingan dan adab dalam solat.

Hasil karya gabungan tiga sahabat daripada program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran), Muhammad Solihin Baruddin, Muhd. Yassir Abd. Manaf dan Muhd. Azfar Abdullah yang masing-masing berusia 25 tahun itu telah diangkat sebagai karya terbaik, sekali gus mengungguli dua anugerah utama iaitu Anugerah PSA Terbaik dalam kategori video berunsurkan Islam dan Anugerah Khas Juri dalam majlis penganugerahan berprestij, Festival Filem & Video Pelajar Malaysia Ke-10 (FFVPM10) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Pengiktirafan itu juga mengenepikan 230 penyertaan mahasiswa dari seluruh institusi pengajian tinggi awam dan swasta

FESTIVAL FILEM & VIDEO PELAJAR MALAYSIA KE 10



MUHAMMAD Solihin (dua dari kanan) memegang trofi yang dimenangi pasukannya dalam Festival Filem & Video Pelajar Malaysia Ke-10 (FFVPM10) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

dalam negara yang turut bersaing merebut keseluruhan 19 anugerah yang dipertandingkan dalam festival tersebut.

Penerbit yang juga pengarahnya, Muhammad Solihin berkata, kejayaan itu telah membuktikan tema Islamik dan video berunsurkan dakwah semakin diterima masyarakat, sekali gus menyuntik semangat kepada mereka untuk berdakwah melalui pembikinan PSA dan filem pendek.

Hanya menggunakan sebuah

kamera model Canon 550D dengan modal kurang daripada RM80 serta memilih Bukit Broga, Semenyih, Selangor sebagai lokasi penggambaran, video berdurasi hampir dua minit itu mengetengahkan isu berkaitan kewajipan menunaikan solat tepat pada waktunya, selain adab dalam menunaikan tiang agama umat Islam tersebut.

Hasil kemenangan itu, mereka membawa pulang trofi dan wang tunai bernilai RM1,000 bagi setiap kategori yang dimenangi. 🏆

